



NEGERI PERLIS

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 51**

**31hb Julai 2008**

**No. 16**

---

---

AKTA MAHKAMAH RENDAH 1948  
(Akta 92)

SUBORDINATE COURTS ACT 1948  
(Act 92)

**No. 38.**

PELANTIKAN MAJISTRET KELAS PERTAMA  
APPOINTMENT OF FIRST CLASS MAGISTRATES

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 78(b) Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*], Pihak Berkuasa Negeri dengan sokongan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya, telah melantik Badrul Munir bin Mohd Hamdy sebagai Majistret Kelas Pertama di dalam dan bagi Negeri Perlis mulai 2 Jun 2008.

In exercise of the powers conferred by paragraph 78(b) of the Subordinate Courts Act 1948 [*Act 92*], the State Authority on the recommendation of the Chief Judge of the High Court in Malaya, has appointed Badrul Munir bin Mohd Hamdy to be a First Class Magistrates in and for the State of Perlis with effect from 2 June 2008.

Bertarikh 18 Jun 2008

Dated 18 June 2008

[SUK.Ps. 05/069; (8) dlm JK/MA07/3/1 (PERLIS)]

NORAZLAN BIN YAHAYA  
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri  
Perlis*

**No. 39.****HARI-HARI KELEPASAN AM NEGERI PERLIS TAHUN 2009**

Maka hendaklah dipakai hari-hari yang tersebut di bawah ini menjadi Hari-hari Kelepasan Am Negeri Perlis bagi Tahun 2009.

* Tahun Baru Cina	26 Januari 2009 27 Januari 2009
* Hari Keputeraan Nabi Muhammad S.A.W. (Maulidur Rasul)	9 Mac 2009
* Hari Pekerja	1 Mei 2009
* Hari Wesak	9 Mei 2009
# Hari Keputeraan D.Y.M.M. Tuanku Raja Perlis	17 Mei 2009
* Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong	6 Jun 2009
# Israk dan Mikraj	20 Julai 2009
* Hari Kebangsaan	31 Ogos 2009
# Hari Nuzul Al-Quran	7 September 2009
* Hari Raya Puasa (**)	20 September 2009 21 September 2009
* Hari Deepavali (**)	17 Oktober 2009
* Hari Raya Qurban (**)	27 November 2009 #28 November 2009
* Awal Muharam (Maal Hijrah)	18 Disember 2009
* Hari Krismas	25 Disember 2009

**CATATAN**

- \* Hari Kelepasan Am Persekutuan.
- # Hari Kelepasan Am Negeri.
- (\*\*) Tertakluk Kepada Perubahan.

## PERINGATAN:

Apabila hari kelepasan itu jatuh pada hari kelepasan yang lain, maka hari tersebut digantikan dengan hari esoknya dan jika hari kemudiannya itu pula sedia menjadi hari kelepasan, maka hari berikutnya pula dijadikan hari kelepasan. Sekiranya hari kelepasan itu jatuh pada hari Sabtu, maka tiada cuti ganti baginya.

Bertarikh 6 Jun 2008  
[SUK.Ps. 01/103 Jld. 5(51)]

NORAZLAN BIN YAHAYA  
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri  
Perlis*

ORDINAN KUMPULAN WANG PERUSAHAAN GETAH  
(PENANAMAN SEMULA) 1952  
(Bilangan 8 tahun 1952)  
RUBBER INDUSTRY (REPLANTING) FUND ORDINANCE 1952  
(No. 8 of 1952)

**No. 40.**

PERATURAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH  
(SKIM NO. 6) 1981  
RUBBER INDUSTRY SMALLHOLDERS DEVELOPMENT AUTHORITY (SCHEME NO. 6)  
REGULATIONS 1981

Bahawa saya, Mohd Radzuan bin Mohd Diah, A.M.P., P.P.N., Pengarah RISDA Negeri Perlis pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada saya oleh perenggan 8 Peraturan-Peraturan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Skim No. 6) 1981, dengan ini memberitahu bahawa "Daftar Permohonan-Permohonan Untuk Bantuan-Bantuan Tanam Semula Kebun-Kebun Kecil Getah" bagi tahun 2008 akan dibuka mulai 1 Januari 2008 dan ditutup pada 31 Disember 2008.

2. Permohonan-permohonan hendaklah dibuat di atas borang-borang yang ditentukan yang boleh didapati daripada mana-mana berikut:

- (i) Pejabat RISDA Negeri Pejabat RISDA Negeri Perlis, 64-G, Jalan Raja Syed Alwi, 01990 Kangar, Perlis.
- (ii) Pejabat RISDA Stesen Pejabat RISDA Stesen Kangar, 64-H, Jalan Raja Syed Alwi, 01990 Kangar, Perlis.
- (iii) Kakitangan Luar Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA).
- (iv) Laman Web RISDA dan Portal myGovernment melalui internet.

3. Permohonan yang tidak dibuat di atas borang-borang yang ditentukan atau tidak diterima dalam tempoh yang dinyatakan di atas atau yang tidak dibuat terhadap kebun kecil yang didaftarkan di bawah perenggan 7 Skim itu akan dianggap sebagai permohonan-permohonan yang tidak dilayani.

I, Mohd Radzuan bin Mohd Diah, A.M.P., P.P.N., State RISDA Director of the State of Perlis in exercise of the powers conferred on me by paragraph 8 of the Rubber Industry Smallholders Development Authority (Scheme No. 6) Regulations 1981, hereby give notice that the “Register of Applications for Grants for the Replanting of Rubber Smallholdings” for the year 2008 shall be opened on the 1st day of January 2008 and shall be closed on the 31st December 2008.

2. Application should be made on the prescribed application forms obtainable from any of the following:

- (i) State RISDA Office at Pejabat RISDA Negeri Perlis, 64-G, Jalan Raja Syed Alwi, 01990 Kangar, Perlis.
- (ii) Station RISDA Office at Pejabat RISDA Stesen Kangar, 64-H, Jalan Raja Syed Alwi, 01990 Kangar, Perlis.
- (iii) Field Staff of the Rubber Industry Smallholders Development Authority (RISDA).
- (iv) RISDA Website and Portal myGovernment through the internet.

3. Any Application which is not made on the prescribed application forms or is not received within the period prescribed above or is not made in respect of a smallholding registered under pragraph 7 of the Scheme may be considered as an inadmissible application.

Bertarikh 6 Jun 2008

Dated 6 June 2008

[SUK.Ps. 04A/093 SK. 1 Jld. 2(68)]

MOHD RADZUAN BIN MOHD DIAH  
*Pengarah RISDA Negeri  
Perlis*

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 tahun 1965)  
NATIONAL LAND CODE  
(Act 56 of 1965)

**No. 41.**

(Subseksyen 64(2))

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH  
(Subsection 64(2))

PROPOSAL NOTICE FOR REVOCATION OF RESERVATION OF LAND

Bahawasanya President State Council dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen 17 The Land Enactment 1356 telah mengisytiharkan perizaban tanah yang diperihalkan dalam Jadual seperti di bawah:

Dan bahawasanya, adalah didapati perlu oleh Pihak Berkuasa Negeri supaya semua perizaban tersebut dibatalkan.

Maka, dengan ini diberi notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 56 tahun 1965*], bahawa Pihak Berkuasa Negeri bercadang untuk membatalkan kesemua perizaban tersebut dan sesiapa yang berhajat hendak membantah atas pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian, Perlis di Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perlis pada jam 10.00 pagi pada tarikh 2 Ogos 2008.

Whereas the President of the State Council in exercise of the powers vested upon him by section 17 of The Land Enactment 1356 has proclaimed the reservation of lands as described in the Schedule below:

And whereas, it now appears expedient to the State Authority that the aforesaid reservation should be revoked to the extent of the area described in the Schedule.

Now, notice is hereby given under subsection 64(2) of the National Land Code 1965 [*Act 56 of 1965*], that the State Authority proposes to revoke the said reservation to the extent of the area described in the Schedule and those who wish to object on the revocation will be heard by the Director of Lands and Mines, Perlis at the State of Perlis Lands and Mines Office at 10.00 a.m. on 2 August 2008.

JADUAL/SCHEDULE

Mukim—Wang Bintong. Daerah—Keramat Tok Tan. No. Lot—871. Keluasan—8.2707 hektar. No. Sijil—205. No. Pelan—18893. Simpanan Untuk—Kawasan Simpanan Kerbau/Lembu. Pegawai Penyelenggara—Pengarah Perhutanan Perlis.

Bertarikh 2 Jun 2008

Dated 2 June 2008

[PTG.Ps.(A) 307. SUK.Ps. 04A/093 Sk. 1 Jld. 2]

NORAZLAN BIN YAHAYA  
*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Perlis*

**No. 42.**

(Seksyen 261)

## SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Junaidah binti Ahmad yang beralamat di 2251-A, Blok A, Berek Polis, 02100 Padang Besar, Perlis, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah dan Galian, Perlis pada hari Selasa 7 Oktober 2008 jam 10.30 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Titi Tinggi. No. Lot/Petak/P.T—Lot 4416. Jenis dan No. Hakmilik—PM 1743. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Per No. 1107/2002 (Satu hakmilik sahaja).

Bertarikh 9 Jun 2008  
[PTG.PS(R) 1/80F 1729(3)]

ALIA SUZILA BINTI CHEK PI  
*Penolong Pentadbir Tanah  
Perlis*

**No. 43.**

Kepada Jaafar bin Asmari yang beralamat di AG 2/34, Taman Tengku Hosna, Jalan Tanjung Bendahara, 05000 Alor Star, Kedah, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah dan Galian, Perlis pada hari Selasa 4 November 2008 jam 9.30 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Perlis. No. Lot/Petak/P.T—PT 1639. Jenis dan No. Hakmilik—HSM 702. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Per No. 3169/2006 (Satu hakmilik sahaja).

Bertarikh 24 Jun 2008  
[PTG.PS(R) 1/80F 1751(3)]

ALIA SUZILA BINTI CHEK PI  
*Penolong Pentadbir Tanah  
Perlis*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR STAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA